

Penggunaan Tanda Baca Koma dan Noktah dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah

The Use of Comma and Full Stop in Secondary Students' Writings in Tuaran District, Sabah

Anne Jeffrey Kihob¹, Saidatul Nornis bt. Hj. Mahali²

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kepekaan murid-murid tingkatan empat di sekolah menengah luar bandar Daerah Tuaran, Sabah, menggunakan tanda baca noktah dan koma dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Sebanyak 70 hasil karangan murid daripada tiga buah sekolah dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa murid tidak menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul dalam penulisan karangan menyebabkan hasil karangan mereka sukar dibaca dan mempengaruhi keseluruhan impresi terhadap karangan yang ditulis. Sebanyak 66 hasil karangan didapati tidak menggunakan tanda baca noktah dan koma dengan betul. Data kesalahan yang direkodkan adalah sebanyak 299 yang melibatkan 196 data kesalahan tanda baca koma dan 103 data kesalahan untuk tanda baca noktah. Kajian yang dijalankan ini bermanfaat untuk memberikan kesedaran kepada pendidik dan murid agar peka akan kepentingan menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul supaya murid dapat menghasilkan karangan yang lebih mudah dibaca, difahami dan berkesan untuk pemahaman pembaca dalam menyampaikan komunikasi bentuk bertulis.

Kata kunci: *tanda baca koma, tanda baca noktah, penulisan karangan*

ABSTRACT

The objective of this research is to study the awareness of form four students from rural secondary school in Tuaran District, Sabah, in using comma and full stop correctly in Malay writing. 70 essays from three rural secondary schools were analysed qualitatively using content analysis method. The findings showed that students do not use comma and full stop correctly in their writing, causing difficulty in reading their writing and therefore affect the whole impression on

¹ Anne Jeffrey Kihob, calon pengajian PhD, PPIB UMS, annejeffreyk@gmail.com

² Saidatul Nornis bt. Hj. Mahali, Prof. Madya Dr, PPIB UMS, saidatul@ums.edu.my

the written composition. There were 66 essays contained errors of comma and full stop application. 299 errors were detected which involved of 196 errors comma application and 103 for full stop. This research is beneficial for educators and students to be more aware the importance of using comma and full stop correctly in writing. Hence, students could produce readable, comprehensible and effective written communication for reader's apprehension.

Keywords: *comma, full stop, essay writing*

Pendahuluan

Pembelajaran bahasa merupakan pembelajaran yang mustahak kerana bahasa menjadi asas untuk membolehkan seseorang berkomunikasi dengan sesama. Individu yang berkomunikasi dengan baik dapat menyampaikan perasaan, gagasan mahupun mesej secara efektif kepada pendengar sekali gus dapat menarik perhatian orang yang mendengar (Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani, 2018). Bagi Awang Sariyan (2007), komunikasi dengan sesama merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan manusia kerana dengan berkomunikasi, individu dapat meluahkan kehendak, fikiran dan perasaan yang membolehkan individu lain dapat memberikan respons sehingga pelbagai kegiatan komunikasi lain terhasil, kesan daripada komunikasi tersebut. Komunikasi manusia berlaku dalam dua keadaan yang utama iaitu secara lisan dan bertulis. Namun, komunikasi dalam bentuk tulisan dianggap lebih penting terutamanya dalam konteks pengembangan ilmu yang lebih meluas. Hal ini turut ditekankan oleh Feny et al. (2018), bahawa menulis sememangnya tidak mudah kerana melibatkan aspek mekanikal, penguasaan tatabahasa dan topik untuk isi tulisan. Perkara utama yang ditekankan ialah kegiatan menulis merupakan satu keperluan dan tanggungjawab untuk penyebaran ilmu baik sebagai rujukan mahupun untuk mengetahui perkara yang tidak diketahui.

Pemahaman terhadap sesuatu bahan bacaan adalah cara utama untuk mendapatkan sesuatu maklumat. Sekiranya hasil tulisan tidak dapat difahami, pemindahan informasi sukar berlaku. Oleh itu, amat penting untuk seseorang penulis menyampaikan mesej, fakta, ilmu dan hasrat dalam penulisan yang boleh difahami dengan jelas. Selaras dengan pernyataan Awang Sariyan (2007), menulis adalah satu keperluan penting untuk dipelajari oleh murid-murid sejak di bangku sekolah. Sesungguhnya, semua orang perlu mahir mengarang kerana komunikasi bertulis tidak terpisahkan dalam kehidupan seseorang. Penulisan yang baik dianggap membawa sekali 'suara hati' dan gagasan yang mahu disampaikan oleh penulis. Dalam bahasa lisan, perkara yang ingin disampaikan bahkan perubahan emosi individu yang berlaku boleh diketahui melalui kelantangan, kelajuan, penekanan ataupun ketegangan dalam suara mereka. Namun, dalam aktiviti menulis, perkara yang boleh dilakukan oleh penulis ialah 'memandu' pemahaman pembaca dengan meletakkan tanda baca yang betul pada baris-baris ayat untuk memberi kesan serta pengaruh kepada pembaca 'mendengar' setiap ayat yang ditulis supaya dapat menyampaikan perasaan dan mesej yang signifikan dalam penulisan (Elbow, 2000). Oleh itu, penguasaan penggunaan tanda baca adalah salah satu pengetahuan yang perlu diketahui oleh murid semasa menulis kerana tanda

baca merupakan cara paling asas untuk memudahkan proses membaca informasi daripada hasil tulisan dan memahami penekanan pada tiap-tiap ayat yang ditulis oleh penulis.

Pernyataan Masalah

Penguasaan kemahiran berbahasa terkandung dalam kurikulum Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah dan menengah. Selain kemahiran membaca, mendengar dan bertutur, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh seseorang. Aktiviti menulis dianggap sebagai satu tanggungjawab yang besar kerana penulisan yang baik berupaya memperkembang pengetahuan kepada pembaca yang disasarkan (Nadzrah et al. 2011). Kemudian, dalam kurikulum Bahasa Melayu dari sekolah rendah hingga sekolah menengah, pengetahuan tentang tanda baca seperti tanda koma dan noktah disenaraikan sebagai salah satu komponen dalam sistem bahasa yang perlu dikuasai. Kepentingan penguasaan tanda baca ditekankan sebagai membantu keberkesanan penyampaian mesej yang tepat dalam kemahiran menulis (KPM, t.th; KPM, 2018). Intihanya, semasa menulis karangan, bukan hanya pemilihan perkataan, tatabahasa dan organisasi idea yang diperhatikan kerana pada masa yang sama, aspek mekanika seperti penggunaan tanda baca juga perlu dititikberatkan. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Muhammad Firhan et al. (2017) yang menyifatkan bahawa penulisan yang baik perlu menggunakan tanda baca yang sesuai dan betul pada tempatnya supaya informasi yang disampaikan secara bertulis mudah difahami, bermakna dan kekeliruan pembaca terhadap isi tulisan dapat dihindari.

Namun aspek penggunaan tanda baca sering dianggap sebagai satu kemahiran sekunder dalam penulisan karangan yang kurang dititikberatkan oleh penulis (Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani, 2018). Walhal, tanda baca merupakan cara paling asas untuk memudahkan proses membaca informasi daripada hasil tulisan dan memahami penekanan pada tiap-tiap ayat yang ditulis oleh penulis. Kajian Wafaa (2018), telah mengutarakan masalah dalam penulisan yang dihadapi oleh murid-murid selain ejaan dan tatabahasa ialah penggunaan tanda baca. Walaupun telah melalui tempoh pembelajaran yang panjang, murid-murid masih bermasalah dalam penggunaan tanda baca koma dan noktah yang betul dalam karangan mereka (Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani, 2018; Wafaa, 2018; Nahid, 2019). Masalah yang berlaku ini turut disokong dalam kajian Trinil Dwi Turistiani (2013) yang mendapati murid mudah melakukan kesalahan penggunaan tanda baca koma dan noktah dalam penulisan. Selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Feny et al. (2018), tanda baca koma dan noktah merupakan tanda baca yang mencatat peratus kesalahan paling tinggi dalam penulisan karangan.

Sekiranya kesedaran tentang penggunaan tanda baca koma dan noktah diabaikan, dikhuatiri murid-murid akan terus mengamalkan budaya ini dalam mana-mana penulisan sehingga menghasilkan penulisan yang sukar difahami. Penguasaan tanda baca koma dan noktah dalam penulisan karangan perlu dikuasai kerana kedua-dua tanda baca ini paling lazim digunakan dalam apa-apa jenis karangan dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Sorotan Kajian

Simbol tanda baca dipengaruhi oleh kaedah menulis dalam Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa yang lain khususnya bahasa Eropah yang menggunakan huruf Latin pada era tersebut. Jika merujuk pada inskripsi yang ditulis dalam bahasa Latin atau Greek, tidak ada tanda baca yang digunakan kerana bahasa tersebut menggunakan kata-kata khas yang menjadi penanda bagi sesuatu ayat (Allen, 2002). Begitu juga dalam sejarah bahasa Melayu tulisan. Banyak bahan bertulis diperoleh daripada batu-batu bersurat, manuskrip berbentuk kitab agama, hikayat dan buku cerita yang ditulis dalam tulisan Jawi. Kaedah tulisan Jawi klasik ketika itu tidak memperlihatkan penggunaan tanda baca yang jelas untuk memisahkan bahagian-bahagian ayat tertentu. Tanda berakhir dan bermulanya sesuatu ayat ditandai dengan penggunaan kata pangkal ayat tertentu yang dirujuk sebagai ‘perkataan pembatas karangan’ seperti syahadan, sesungguhnya, hatta, bahawasanya dan sebermula. Pada hakikatnya, sekiranya penggunaan perkataan pembatas karangan tersebut digunakan dalam sistem tulisan Bahasa Melayu moden sekarang, tentulah bukan mudah kerana perkataan-perkataan tersebut lebih merujuk kepada kata hubung yang bukan berfungsi sebagai tanda berhenti atau jeda dalam ayat-ayat yang ditulis (Ismail, 2015).

Sejarah penggunaan tanda baca dikatakan bertitik tolak daripada penciptaan alat dan mesin cetak dari Barat pada abad ke-18 yang boleh menerbitkan bahan bertulis dalam tulisan rumi (Ismail, 2015). Percetakan Barat khususnya empayar British dan Amerika berpendapat perlunya sistem tanda baca yang boleh difahami dan tersusun. Apatah lagi apabila hasil tulisan penulis-penulis diulang cetak, berlakulah penyebaran secara meluas untuk teks bertulis berbanding tulisan tangan yang menyebabkan wujudlah ‘pemodenan’ tanda baca agar hasil penulisan menjadi jelas untuk pemahaman pembaca (Shaw, 1993). Walaupun hanya diwakili oleh simbol tertentu, penggunaan sesuatu tanda baca mempunyai peranannya tersendiri yang boleh mempengaruhi pembacaan sesuatu ayat yang ditulis. Allen (2002) menyatakan terdapat dua fungsi utama penggunaan tanda baca dalam teks bertulis iaitu untuk memisahkan ayat dan menghubungkan sekumpulan perkataan dalam satu ayat. Lebih spesifik lagi, Shaw (1993) mengklasifikasikan empat fungsi tanda baca iaitu untuk menamatkan (terminate), memperkenalkan (introduce), memisahkan (separate) atau merangkumkan (enclose) perkataan, frasa dan klausa dalam ayat. Bahkan, ada tanda baca boleh mempunyai lebih daripada satu fungsi tersebut seperti tanda baca koma yang dapat digunakan untuk tujuan memperkenalkan, memisahkan dan merangkumkan. Tanda-tanda baca juga mempunyai darjah penekanan yang berbeza. Sebagai contoh, penekanan tanda noktah dalam ayat lebih tinggi berbanding tanda koma dan tanda koma bertitik. Manakala darjah penekanan tanda koma bertitik pula lebih tinggi berbanding tanda koma. Hal ini bermakna, amatlah penting untuk memilih tanda baca yang lebih efektif dalam menyampaikan sesuatu makna yang dikehendaki.

Peri pentingnya penggunaan tanda baca sebagai nonbahasa dalam mana-mana penulisan adalah untuk kejelasan, kelancaran dan pemahaman makna idea (Shaw, 1993; Allen, 2002; Ismail, 2015; Rodiya & Siti, 2018; Wafaa, 2018; Rangel et al. 2019) yang mahu disampaikan oleh penulis mengikut peraturan yang betul kerana tanda baca mempunyai ton yang berbeza (Allen, 2002; Rangel et al. 2019) yang meliputi penjedaan serta penekanan kata dan ayat (Filona et al. 2018; Wafaa, 2018) sehinggakan boleh menambah daya tarik isi tulisan (Indah Rahma & Rama Kurnia, 2018) bahkan boleh mengubah makna sesuatu maksud dalam ayat jika digunakan secara salah (Wafaa, 2018). Oleh itu, kepentingan penggunaan tanda baca dalam tulisan tidak dapat disangkal

lagi kerana tanda baca turut mengukuhkan tatabahasa wacana tulisan dalam Bahasa Melayu (Ismail, 2015). Tuntasnya, penggunaan tanda baca tidak dapat dipisahkan daripada komunikasi bertulis.

Tanda baca dirujuk sebagai satu kesatuan sistem (Filona et al. 2018), simbol mekanikal dalam penulisan (Wafaa, 2018) dan diklasifikasikan dalam aspek fonologi (Feny et al. 2018). Terdapat 14 jenis tanda baca yang disenaraikan dan lazimnya digunakan dalam penulisan, iaitu tanda noktah (.), koma (,), noktah bertindih (:), tanda tanya (?), tanda koma bertitik (;), tanda seru (!), tanda penyingkat (‘), tanda elipsis (...), tanda petik (“...”), tanda petik tunggal (‘...’), tanda sempang (-), tanda pisah (—), tanda kurung siku ([...]) dan tanda kurung dakap ({...}), (Rangel et al. 2019). Manakala dalam tulisan bahasa Melayu moden, selain tanda baca yang disenaraikan, terdapat empat jenis tanda baca lagi yang disenaraikan iaitu tanda kurung (...), tanda garis miring (/), tanda bebintang (*) dan tanda ulang (...2), menjadikannya 18 jenis tanda baca yang digunakan dalam penulisan (Ismail, 2015). Setiap tanda baca tersebut mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam sistem tulisan Bahasa Melayu.

Penumpuan fungsi tanda baca yang dikhususkan dalam kajian ini ialah penggunaan tanda koma dan noktah kerana kedua-dua tanda baca ini paling banyak digunakan dalam penulisan bahasa Melayu dan simbolnya sudah dikenali oleh murid. Tanda baca koma merupakan tanda baca tunggal yang menduduki ruang di belakang sesuatu kata, frasa, klausa atau ayat untuk memisahkan sesuatu perkataan setara (Trinil Dwi Turistiani, 2013; Ismail, 2015). Dari aspek sejarahnya, istilah koma bermula pada abad ke-16 dan berasal dari perkataan Greek *komma*. Tanda koma dalam sistem tulisan selain untuk memisahkan, merupakan hentian sementara untuk sekelompok perkataan atau frasa (Allen, 2002; Shaw, 1993). Tanda koma juga merupakan tanda baca yang paling banyak digunakan dalam komunikasi bertulis (Shaw, 1993). Pengertian ‘noktah’ pula diambil dari perkataan Greek *periodos* iaitu gabungan dari *peri* dan *hodos* yang bermaksud pengakhiran kepada sesuatu ayat (Shaw, 1993). Oleh itu, tanda noktah diletakkan pada akhir ayat lengkap yang bukan pertanyaan atau seruan sebagai menunjukkan pemberhentian sepenuhnya sesuatu ayat (Trinil Dwi Turistiani, 2013; Ismail, 2015). Tanda noktah juga merupakan tanda baca kedua paling banyak digunakan selepas tanda koma dan sepatutnya paling kurang memberikan masalah peletakan berbanding tanda baca yang lain kerana lebih 95% ayat berakhir dengan tanda noktah (Shaw, 1993).

Rujukan pengklasifikasian penggunaan tanda baca koma dan noktah dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada jenis karangan pendapat yang dikarang oleh murid. Oleh itu, dengan merujuk kepada pengklasifikasian tanda baca terkini oleh Ismail (2015) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, fungsi tanda baca koma dan noktah adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Fungsi dan Contoh Penggunaan Tanda Baca Koma dan Noktah

Tanda Baca	Fungsi
	<p>Memisahkan unsur-unsur yang berurutan. Mamat membeli gula, kopi, susu, roti dan telur.</p>
	<p>Memisahkan rangkai kata atau unsur-unsur frasa yang berurutan. Tetamu-tetamu itu disambut dengan perarakan bunga manggar, paluan kompong, taburan bunga rampai, renjisan air mawar, dan sorak sorai yang gemuruh.</p>
	<p>Memisahkan frasa rangkuman maklumat . Di dalam almari itu terdapat pakaian lelaki, iaitu baju Melayu, songkok, kain songket, tasbih, dan lain-lain lagi.</p>
	<p>Memisahkan kata hubung gabungan yang membawa maksud ‘pertentangan fakta’ dalam ayat majmuk gabungan. Kerajaan berusaha hendak membendung pengaruh kebudayaan Barat yang negatif, tetapi anak-anak muda yang tidak terdidik kian tergilagila dengan gejala rok yang melampau.</p>
	<p>Memisahkan klausa keterangan syarat yang mendahului ayat induk. Jika hujan lebat, pertunjukan itu terpaksa dibatalkan. Ayat asal: Pertunjukan itu terpaksa dibatalkan jika hujan lebat.</p>
	<p>Memisahkan klausa keterangan waktu yang mendahului ayat induk. Ketika pencuri memasuki rumah mereka melalui pintu belakang, semua anggota keluarga itu sedang menonton televisyen di ruang tamu. Ayat asal: Semua anggota keluarga itu sedang menonton televisyen di ruang tamu ketika pencuri memasuki rumah mereka melalui pintu belakang.</p>
	<p>Memisahkan ayat keterangan tujuan yang mendahului ayat induk. Untuk menjayakan gagasan 1Malaysia, kerajaan kita sentiasa mendahulukan rakyat.</p>
	<p>Memisahkan ayat keterangan cara, keterangan alat atau keterangan gaya yang mendahului ayat induk. Dengan menggunakan keris Tamingsari, Hang Tuah menamatkan riwayat Hang Jebat.</p>
	<p>Memisahkan ungkapan wacana musabab yang mendahului ayat induk. Bajet bagi pelaksanaannya tidak diluluskan. Oleh itu, projek tersebut terpaksa dibatalkan.</p>
	<p>Memisahkan ungkapan wacana waktu yang hadir di pangkal ayat induk. Kedua-dua negara yang bermusuhan itu masih berunding. Dalam pada itu, pelarian dari kedua-dua negara tersebut terus menembusi sempadan negara jiran mereka.</p>
	<p>Memisahkan ungkapan wacana cara yang mendahului ayat induk. Syarikat penerbitan itu beralih menggunakan mesin yang canggih. Dengan itu, penerbitan bukunya menjadi lebih cepat, mudah dan murah.</p>
	<p>Memisahkan bahagian ayat induk dengan bahagian keterangan penjelasan yang membawa maksud pengkhususan, pembatasan atau pengutamaan. Bahagian keterangan tersebut bermula dengan kata hubung gabungan pengkhususan fakta seperti khusus, istimewa, khususnya, lebih-lebih lagi dan apatah lagi. Gagasan projek perumahan mampu milik itu disambut baik oleh semua golongan, lebih-lebih lagi mereka yang berpendapatan rendah.</p>

Tanda Baca	Fungsi
	Memisahkan ungkapan wacana penekan yang mendahului ayat induk. Kami tidak akan menafikan kepentingan ilmu pengetahuan. Sesungguhnya, menuntut ilmu itu adalah beribadah.
	Memisahkan ungkapan wacana akibat yang mendahului ayat induk. Tiket perlawanan itu sudah habis dijual. Jadi, mereka pun pulanglah dengan tangan kosong.
	Memisahkan ungkapan wacana susulan yang mendahului ayat induk. Akhirnya, kes itu akan dikemukakan kepada pihak mahkamah.
	Memisahkan ayat induk daripada bahagian keterangan tambahan yang mengikutinya. Pada musim tengkujuh, banjir besar hanya berlaku di sesetengah tempat, misalnya di kawasan pantai Kelantan, Pahang dan Terengganu.
	Mengapit sisipan yang membawa penjelasan khusus keseluruhan ayat. Pada hemat saya, projek raksasa itu sukar sekali hendak dilaksanakan dalam zaman meleset ini.
Noktah	Tanda baca yang diletakkan di akhir ayat lengkap untuk membawa fungsi pemberhentian sepenuhnya sesuatu ayat, penanda bagi penulisan singkatan, memisahkan penomboran (masa, matematik dan aritmatik, nilai mata wang) serta format dalam surat menyurat.
	Mengakhiri ayat penyata yang lengkap. Dia guru.

Sumber: Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Tanda Baca: Kalimat

Bertanda Intonasi Bergaya

Merujuk Jadual 1, tanda koma digunakan untuk pemenggalan bahagian unsur dan frasa yang berurutan serta memisahkan ungkapan wacana dan bahagian ayat keterangan yang mendahului ayat induk. Tanda noktah pula digunakan untuk pemberhentian sepenuhnya ayat penyata yang lengkap selain penanda dalam singkatan, penomboran dan surat menyurat. Walau bagaimanapun, terdapat kekecualian penggunaan tanda koma dan noktah kerana dianggap menyalahi peraturan penggunaan tanda baca tersebut sehingga boleh menjejaskan tatabahasa dalam ayat.

Jadual 2: Kekecualian Penggunaan Tanda Baca Koma dan Noktah

Tanda Baca	Kekecualian Penggunaan
Koma dan noktah	Tidak digunakan untuk memisahkan bahagian subjek daripada bahagian predikat.

	Beliau berkata bahawa penjenayah yang melakukan rompakan bersenjata dan melarikan wang tunai lebih daripada RM300 000 di Petaling Jaya dua hari yang lalu telah ditembak mati pagi tadi.
--	--

Berdasarkan Jadual 2, tanda koma dan noktah mempunyai kekecualiaan penggunaan yang sama iaitu sepatutnya tidak digunakan untuk memisahkan bahagian subjek dan predikat dalam ayat lengkap.

Melalui penelitian Riri Ariyanti (2019), terdapat kesalahan penggunaan tanda noktah yang menggunakan lebih daripada satu titik untuk mengakhiri ayat penyata. Penggunaan tanda titik lebih daripada satu untuk tanda noktah sebenarnya mempunyai maksud yang berbeza. Kemudian, tanda koma juga didapati tidak digunakan untuk memisahkan frasa yang berturutan, ungkapan wacana cara yang mendahului ayat induk dan sisipan yang membawa penjelasan khusus keseluruhan ayat. Walaupun tidak dinyatakan jenis kesalahan tanda baca, masih ada kesalahan penggunaan tanda baca dalam penulisan dokumen rasmi oleh kalangan pentadbir kerajaan walhal penulisan dokumen rasmi sepatutnya sudah melalui proses penyuntingan yang rapi (Awang Sariyan, 2018). Penulisan karangan pun tidak terkecuali daripada kesalahan penggunaan tanda baca. Kajian yang dilakukan oleh Bayu & Diah Amelia (2018) mendapati bahawa kesalahan tanda baca mencatat 16.04% dalam penulisan murid. Malahan, dalam hasil kajian Rangel et al. (2019), tidak ada seorangpun daripada 27 orang murid yang memperoleh skor cemerlang atau tahap bawah dalam penilaian penggunaan tanda baca. Seperti yang telah dibuktikan dalam kajian Trinil Dwi Turistiani (2013), terdapat 104 data kesalahan penggunaan tanda baca koma dan noktah dalam penulisan murid. Murid didapati tidak menggunakan tanda koma untuk memisahkan pernyataan yang setara dengan pernyataan berikutnya. Kesalahan penggunaan tanda noktah pula didapati apabila tanda noktah digunakan dalam ayat jenis pertanyaan dan seruan.

Ketidakepekaan murid tentang penggunaan tanda baca noktah terus berlaku apabila murid didapati tidak meletakkan tanda noktah pada akhir ayat dengan peratusan kesalahan tanda noktah sebanyak 80% (Indah Rahma & Rama Kurnia, 2018). Begitu juga dalam kajian Feny et al. (2018), tanda baca koma dan noktah merupakan tanda baca yang mencatat peratus kesalahan paling tinggi iaitu sebanyak 12.4% untuk tanda noktah dan 5.3% untuk tanda koma dalam penulisan karangan. Dapatan serupa juga didapati dalam kajian yang dijalankan oleh Setiawan (2018) iaitu murid cenderung melakukan kesalahan penggunaan tanda baca noktah dan koma. Kesalahan tanda baca yang dilakukan adalah meliputi 26.2% daripada keseluruhan kesalahan bahasa yang lain. Penelitian yang dilakukan oleh Ida Marlina et al. (2018) turut mendapati murid mudah melakukan kesalahan tanda baca noktah dan koma dalam penulisan dengan peratusan kesalahan tanda noktah sebanyak 42.59% dan 19.25% untuk tanda koma. Dapatan daripada kajian-kajian tersebut sekali gus menjadi indikator yang jelas bahawa murid sering kali memandang remeh terhadap penggunaan tanda baca koma dan noktah yang betul dalam penulisan serta tidak memahami sepenuhnya prinsip penggunaan kedua-dua tanda baca tersebut menyebabkan hasil penulisan tidak difahami dan kurang berkesan dalam menyampaikan sesuatu maksud.

Menurut Wafaa (2018), berdasarkan respons daripada murid dan guru, murid-murid cenderung untuk tidak meletakkan tanda noktah pada akhir ayat dan tanda koma apabila membuat

penyenaaraan dan pemenggalan dalam ayat bagi menerangkan maksud yang ingin disampaikan dalam tulisan. Kurangnya pengetahuan murid tentang penggunaan tanda baca yang betul telah menyebabkan berlakunya peletakan tanda baca yang salah dalam penulisan mereka. Sebagaimana dalam kajian Filona et al. (2018), terdapat 24 kesalahan fungsi penggunaan tanda noktah dan 125 tanda koma dalam karangan murid. Mereka menggunakan tanda noktah dan koma untuk ayat tanya manakala tanda koma menjadi tanda noktah. Jelaslah, kesalahan penggunaan tanda baca berlaku apabila murid kurang pengetahuan tentang fungsi sesuatu tanda baca menyebabkan mereka tidak peka akan peletakan tanda baca yang tepat (Indah Rahma & Rama Kurnia, 2018; Rodiya & Siti, 2018) ditambah dengan ketidakprihatinan guru untuk memberikan penekanan kepada murid tentang penggunaan tanda baca yang betul dalam karangan mereka (Indah Rahma & Rama Kurnia, 2018).

Ketidakepekaan penggunaan tanda baca dalam karangan bahkan dalam mana-mana penulisan pun akan menjejaskan isi kandungan serta kejelasan makna yang ingin disampaikan dalam hasil penulisan. Sama seperti tatabahasa dalam mana-mana bahasa, tanda baca juga mempunyai peraturan penggunaannya sendiri namun simbol-simbol ini mudah 'dilanggar' oleh pengguna bahasa kerana memikirkan perannya dalam penulisan tidak sepenting hukum tatabahasa yang perlu dipatuhi. Mentaliti ini perlu diubah kerana kesatuan antara tatabahasa, susunan ayat dan aspek mekanika dalam penulisan yang teratur dan betul akan menghasilkan penulisan yang efektif. Jadi, kepincangan salah satunya termasuklah penggunaan tanda baca tetap akan menghasilkan penulisan yang tidak bermakna.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk meneliti penggunaan tanda baca koma dan noktah oleh murid dalam karangan mereka. Data diperoleh daripada sumber utama kajian ini, iaitu 70 hasil karangan murid tingkatan empat dari tiga buah sekolah menengah luar bandar di Daerah Tuaran. Ketiga-tiga buah sekolah tersebut dipilih dalam kajian berdasarkan pencapaian Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2013 hingga 2017. Daripada 70 karangan yang disemak, 31 hasil karangan murid adalah dari sekolah SMK A, 19 karangan dari SMK B dan 20 karangan dari SMK C yang hadir semasa pemberian tajuk karangan. Murid-murid yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pencapaian bahasa Melayu yang lemah dan sederhana. Jenis karangan yang ditulis oleh murid ialah karangan jenis pendapat tentang telefon bimbit yang biasa dikarang oleh murid di sekolah. Tajuk karangan yang diberikan adalah sama bagi ketiga-tiga buah sekolah bagi memudahkan pengkaji melihat perbezaan dan persamaan pengidentifikasian kesalahan yang dilakukan oleh murid untuk genre karangan yang serupa. Karangan jenis pendapat dipilih kerana merupakan asas karangan yang banyak menggunakan tanda baca koma dan noktah. Pengkaji merupakan instrumen utama dalam pencarian data yang dikehendaki untuk kajian ini. Pengkaji sendiri bertindak sebagai pelaksana, pengumpul data, penganalisis, pentafsir data sehinggalah ke tahap pelaporan hasil penelitian. Prosedur penelitian dijalankan untuk mengenal pasti jenis kesalahan tanda baca koma dan noktah yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan mereka, mengklasifikasikan data kesalahan yang didapati dengan merujuk kepada pengklasifikasian tanda baca oleh Ismail (2015), dan

seterusnya membuat kesimpulan daripada dapatan yang ditemui. Buku Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem tanda baca (Ismail, 2015) tentang penggunaan tanda baca digunakan dalam kajian ini kerana rujukan buku tersebut lengkap dan mudah difahami.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Hasil kajian mendapati sebanyak 66 hasil karangan tidak menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul. Data kesalahan yang direkodkan adalah sebanyak 299 yang melibatkan 196 data kesalahan tanda baca koma dan 103 data kesalahan untuk tanda baca noktah. Daripada jumlah kesalahan penggunaan tanda baca koma, 40 kesalahan data yang ditemui sepatutnya tidak memerlukan peletakan tanda koma dalam ayat yang ditulis. Peratusan kesalahan tanda baca koma adalah sebanyak 66% manakala tanda baca noktah pula sebanyak 34%. Pengklasifikasian data kesalahan tanda baca koma dan noktah tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Jenis Kesalahan Penggunaan Tanda Baca Koma

No	Jenis kesalahan	Kekerapan
A	Tidak memisahkan frasa rangkuman maklumat. Terdapat banyak jenis telefon bimbit yang canggih seperti Iphone, Samsung () dan sebagainya.	31
B	Tidak memisahkan ungkapan wacana susulan yang mendahului ayat induk. Selain itu () ada juga pelajar tidak datang ke sekolah kerana tidak menyiapkan kerja sekolah kerana bermain telefon.	28
C	Tidak memisahkan ayat induk daripada bahagian keterangan tambahan yang mengikutinya. ...berkomunikasi dengan keluarga yang jauh () contohnya di luar negara.	21
D	Tidak memisahkan ungkapan wacana waktu yang hadir di pangkal ayat induk. Pada masa ini () telefon bimbit telah terkenal di dunia.	19
e	Tidak memisahkan ungkapan wacana penekan yang mendahului ayat induk. Sesungguhnya () kepentingan penggunaan telefon bimbit kepada remaja ialah kita dapat menghubungi keluarga atau kenalan yang jauh...	14

No	Jenis kesalahan	Kekerapan
F	Tidak memisahkan klausa keterangan syarat yang mendahului ayat induk. Jika hal ini terus berlaku () anak-anak tersebut akan lebih merosot.	11
g	Tidak memisahkan ungkapan wacana musabab yang mendahului ayat induk. Persoalannya, mengapa isu sedemikian sering menjadi buah mulut masyarakat? oleh itu () marilah kita membincangkan tentang kepentingan dan impak buruk telefon bimbit kepada remaja.	8
h	Tidak memisahkan ungkapan wacana cara yang mendahului ayat induk. Kita boleh mencari maklumat yang penting seperti mencari maklumat mengenai pelajaran ataupun isu-isu semasa seperti mengetahui tentang cuaca semasa dengan melayari laman sesawang tertentu. Dengan ini () kita boleh mengetahui berita-berita dari luar negara.	6
i	Tidak memisahkan unsur-unsur yang berurutan. ..membuat panggilan kecemasan seperti kemalangan () rompakan dan pembunuhan.	5
j	Tidak memisahkan ayat keterangan tujuan yang mendahului ayat induk. Sebagai menghilangkan tekanan () kita juga boleh mendengar lagu melalui telefon bimbit jika kita ada menyimpannya.	3
k	Tidak memisahkan kata hubung gabungan yang membawa maksud 'pertentangan fakta' dalam ayat majmuk gabungan. Memain permainan video boleh menghilangkan kebosanan dan stres untuk menghiburkan perasaan atau suasana () tetapi ia juga mengakibatkan kerja rumah tergendala.	2
L	Tidak mengapit sisipan yang membawa penjelasan khusus keseluruhan ayat. Pada pendapat saya () telefon bimbit ialah sejenis alat komunikasi yang amat canggih pada masa kini...	2
M	Tidak memisahkan klausa keterangan waktu yang mendahului ayat induk.	2

No	Jenis kesalahan	Kekerapan
	Ketika kempen itu berlangsung () saya dapat mendengar tentang kepentingan telefon bimbit.	
n	Tidak memisahkan ungkapan wacana akibat yang mendahului ayat induk. Telefon bimbit ini selalu digunakan untuk menyebarkan maklumat yang palsu seperti tentang politik, isu semasa dan barangan online. Jadi () orang mudah tertipu akibat maklumat yang palsu.	2
o	Tidak memisahkan bahagian ayat induk dengan bahagian keterangan penjelasan yang membawa maksud pengkhususan, pembatasan atau pengutamaan. Bukan pihak sekolah sahaja perlu mengambil tahu tentang pelajar () bahkan ibu bapa pelajar juga perlu prihatin.	1
p	Tidak memisahkan ayat keterangan cara yang mendahului ayat induk. Melalui telefon bimbit () kita boleh bertanya khabar antara satu sama lain.	1
Jumlah		156

Karangan yang ditulis oleh murid memang banyak melibatkan penggunaan tanda baca koma dan noktah. Tanda baca lain yang digunakan oleh murid ialah tanda baca tanya. Walau bagaimanapun, penggunaan tanda baca tanya amat kurang dan penggunaan tanda tanya tersebut masih betul. Ini menunjukkan simbol tanda baca koma dan noktah merupakan sesuatu yang sudah lazim, dikenali dan terbiasa digunakan oleh murid dalam penulisan karangan. Sungguhpun demikian, penggunaan tanda baca koma dan noktah dalam penulisan karangan masih tidak menunjukkan murid benar-benar faham sepenuhnya penggunaan kedua-dua tanda baca tersebut. Hal ini ditunjukkan melalui cara peletakan tanda baca tersebut yang berlaku sewenang-wenangnya dalam ayat yang ditulis oleh murid.

Berdasarkan Jadual 3, murid lebih banyak melakukan kesalahan dari aspek tidak memisahkan frasa rangkuman maklumat dengan jumlah data kesalahan yang ditemui sebanyak 31 data. Ini diikuti oleh kesalahan tidak memisahkan ungkapan wacana susulan yang mendahului ayat induk sebanyak 28 data kesalahan, tidak memisahkan ayat induk daripada bahagian keterangan tambahan yang mengikutinya dengan jumlah 21 data kesalahan dan tidak memisahkan ungkapan wacana waktu sebanyak 19 data kesalahan. Dalam Jadual 3 (a), murid banyak menggunakan frasa rangkuman maklumat seperti ‘dan lain-lain’, ‘dan sebagainya’, serta ‘dan banyak lagi’ bagi merangkumkan maklumat-maklumat yang setara dalam ayat yang ingin dinyatakan. Namun,

penggunaan frasa-frasa tersebut perlu dipisahkan dengan tanda koma supaya kekeliruan dalam pembacaan tidak berlaku. Kekeliruan yang berlaku ialah frasa seperti ‘dan sebagainya’ akan dianggap mempunyai maksud yang sama dengan unsur lain yang berurutan dalam ayat. Cara penulisan karangan murid juga banyak melibatkan penggunaan penanda wacana susulan, wacana penekan, wacana waktu serta memberikan contoh-contoh sebagai keterangan tambahan untuk sesuatu fakta yang diberikan, tetapi penekanan terhadap penanda wacana dan maklumat tersebut tidak menimbulkan impresi yang kukuh untuk idea yang disampaikan apabila tidak dipisahkan dengan tanda koma. Sebagai contoh, dalam Jadual 3 (e), murid sepatutnya membubuh tanda koma selepas ungkapan wacana penekan ‘sesungguhnya’ agar ayat yang ditulis ada hentian sementara untuk kesan penekanan atas wacana yang digunakan.

Dalam Jadual 3 (b), murid memulakan ayat dengan ungkapan wacana susulan seperti ‘selain itu, ‘seterusnya’ dan ‘di samping itu’. Namun demikian, tanda koma tidak diletakkan selepas ungkapan wacana susulan menyebabkan ayat yang ditulis dibaca dalam sekali bacaan tanpa jeda. Ungkapan wacana susulan bermakna fakta yang diberikan adalah berbeza daripada fakta dalam perenggan sebelumnya atau seterusnya. Oleh itu, tanda koma perlu diletakkan agar pembaca dapat melakukan hentian sementara pembacaan untuk mengenal pasti bahagian fakta berbeza yang ditulis. Kemudian, dalam Jadual 3 (i), murid menulis beberapa unsur berurutan dalam satu ayat iaitu ‘kemalangan’ ‘rompakan’ dan ‘pembunuhan’. Sepatutnya, murid mengetahui fungsi paling mudah untuk tanda koma ialah memisahkan unsur-unsur yang berurutan. Namun, peletakan tanda koma selepas kata ‘kemalangan’ dalam ayat tersebut tidak ada.

Jadual 4: Pengecualian Penggunaan Tanda Baca Koma

No	Jenis kesalahan	Kekerapan
a	Meletakkan tanda koma pada frasa nama ‘ibu bapa’ ...boleh berhubung dengan kawan dan ibu, bapa. Dan boleh sms dengan ibu, bapa, boleh buat panggilan dengan ibu, bapa	4
b	Meletakkan tanda koma yang menyebabkan pemisahan bahagian subjek daripada bahagian predikat. Dengan ini, kita boleh juga, mengetahui berita-berita dari luar negara.	36
Jumlah		40

Peletakan tanda koma yang tidak perlu dalam baris-baris ayat karangan juga dilakukan oleh murid iaitu sebanyak 40 data kesalahan. Berdasarkan Jadual 4(a), terdapat empat kesalahan yang melibatkan murid meletakkan tanda koma pada frasa ‘ibu bapa’ menjadi ‘ibu,bapa’. Peletakan tanda koma tersebut tidak perlu kerana akan menjadikan penulisan tersebut menjadi janggal untuk

dibaca bagi maksud yang sudah mantap untuk merujuk orang tua, yakni emak dan ayah. Seterusnya, dalam Jadual 4 (b), murid meletakkan tanda koma yang menyebabkan pemisahan bahagian subjek daripada bahagian predikat ayat. Dalam ayat tersebut, memadai jika tanda koma diletakkan selepas ungkapan wacana cara (dengan ini) yang mendahului ayat induk. Sekiranya tanda koma diletakkan selepas kata 'juga', pemisahan klausa subjek dan predikat telah berlaku.

Jadual 5: Jenis Kesalahan Penggunaan Tanda Baca Noktah

No	Jenis kesalahan	Kekerapan
Tidak digunakan untuk mengakhiri ayat penyata yang lengkap.		
a	Kepentingan bagi telefon bimbit ialah mengakses maklumat mengenai pelajaran, isu semasa dan cuaca () kepentingan ini juga untuk pelajar menyimpan maklumat seperti...	46
b	...dan tidak mengisi masa lapang dengan keluarga.akibat berlebihan bermain permainan video.	23
c	...dan digunakan untuk menyebarkan maklumat yang palsu () [ayat dalam perenggan baharu]	34
Jumlah		103

Berdasarkan Jadual 5, jumlah kesalahan penggunaan tanda noktah yang didapati adalah sebanyak 103 data kesalahan. Semua kesalahan yang ditemui disebabkan murid tidak meletakkan tanda koma untuk mengakhiri ayat penyata yang lengkap. Hal ini terlihat dalam tiga keadaan. Pertama, seperti dalam Jadual 5 (a), sebelum memulakan ayat baharu dalam baris ayat yang sama, murid sepatutnya meletakkan tanda noktah pada ayat lengkap sebelumnya iaitu selepas kata 'cuaca'. Kedua, tanda noktah sepatutnya tidak diletakkan pada bahagian pertengahan ayat yang belum berakhir. Dalam Jadual 5 (b), tanda noktah diletakkan antara kata 'keluarga' dan 'akibat'. Kesannya, bahagian subjek dan predikat ayat telah dipisahkan sebagai ayat yang lengkap. Ketiga, tanda noktah tidak diletakkan pada ayat akhir sebelum memulakan perenggan baharu. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 (c), murid tidak meletakkan tanda noktah selepas kata 'palsu' untuk mengakhiri ayat tersebut sebelum beralih kepada perenggan baharu. Melalui penelitian yang dilakukan, murid cenderung menulis ayat penyata aktif. Dalam ayat-ayat penyata yang ditulis, murid meremehkan peletakan tanda noktah untuk mengakhiri ayat penyata yang lengkap menyebabkan hentian sebenar sesuatu ayat sukar dipastikan. Melalui tiga keadaan yang utama yang diperhatikan, jika murid tidak meletakkan tanda noktah sebelum memulakan ayat baharu dan perenggan baharu, pemahaman dalam bacaan menjadi tidak lancar dan tidak mengukuhkan

pemahaman makna yang cuba disampaikan oleh murid. Seterusnya, tanda noktah sepatutnya tidak diletakkan pada bahagian pertengahan ayat yang belum berakhir supaya bahagian subjek dan predikat ayat masih menyatu sebagai ayat yang lengkap serta tidak menimbulkan kekeliruan dalam pembacaan.

Banyak atau kurangnya jumlah tanda baca koma dan noktah dalam karangan murid bukanlah menjadi isunya kerana keadaan ini bergantung kepada cara murid mengolah ayat bagi menyampaikan sesuatu maksud dalam bentuk tulisan. Perkara yang perlu dititikberatkan ialah ketepatan peletakan tanda baca koma untuk hentian sementara sama ada dalam ayat induk mahupun ayat keterangan, subjek dan predikat, serta tanda baca noktah untuk mengakhiri ayat yang lengkap. Dengan demikian, maksud yang cuba disampaikan dalam setiap ayat dalam karangan akan lebih bermakna dan mudah difahami. Jelaslah, peletakan tanda baca koma dan noktah yang tidak betul dalam penulisan karangan murid masih menjadi masalah utama yang berlanjutan seperti yang didapati dalam kajian-kajian pengkaji sebelumnya. Dalam hal ini, murid didapati masih kurang pengetahuan tentang penggunaan tanda baca koma dan noktah untuk diaplikasikan dalam tugas penulisan yang diberi. Murid ada idea yang mahu disampaikan dalam penulisan karangan mengikut tugas yang diberi tetapi idea tersebut menjadi kurang meyakinkan apabila tidak diorganisasikan dengan baik akibat peletakan tanda baca koma dan noktah yang salah dan telah menjadikan pembacaan kurang lancar.

Kesimpulan

Tidak dinafikan bahawa ketidakpekaan akan penggunaan tanda baca koma dan noktah yang betul dalam penulisan akan mengakibatkan ketidakjelasan idea yang mahu disampaikan oleh penulis sekali gus mempengaruhi keseluruhan impresi pembaca terhadap karangan yang ditulis. Sekiranya murid gagal menguasai penggunaan tanda baca yang paling asas iaitu koma dan noktah dalam penulisan karangan, mereka tidak akan pernah mengetahui fungsi sebenar tanda-tanda baca tersebut. Akibatnya, berlakulah penulisan yang sembrono dengan meletakkan mana-mana tanda baca dalam ayat sesuka hati mereka sehingga menjadi amalan yang sukar dihilangkan. Penilaian setiap individu terhadap peletakan tanda baca koma dan noktah yang betul akan menjadi berbeza-beza seolah-olah tanda baca tidak pernah distandardkan dalam penulisan Bahasa Melayu. Bahkan, murid juga akan memandang remeh penggunaan tanda baca yang lain, lebih-lebih lagi apabila kesalahan yang sering dilakukan tidak dititikberatkan oleh golongan profesional seperti para pendidik di sekolah.

Penyemakan dan penilaian sama ada dengan guru atau rujukan lain untuk mendapatkan kepastian dalam tugas yang dilakukan perlu dititikberatkan oleh murid. Jika merujuk kepada kekerapan kesalahan penggunaan tanda baca yang dilakukan oleh murid, mereka sudah terbiasa meletakkan tanda baca koma dan noktah mengikut pengetahuan dan pengalaman masing-masing. Hal ini juga bermakna, tanpa teguran, tunjuk ajar dan panduan yang betul, mereka telah menetapkan dalam pengetahuan dan pengalaman kognitif mereka bahawa peletakan tanda baca bukanlah sesuatu yang perlu ditekankan dan yakin hal tersebut tidak mempengaruhi keberkesanan penyampaian mesej dalam penulisan karangan mereka. Oleh itu, dapatlah disarankan agar guru

menerangkan kepada murid penggunaan tanda baca koma dan noktah yang betul supaya masalah ini tidak dianggap remeh dan akhirnya berlanjutan kerana faktor keterbiasaan. Akhirnya, ilmu yang diperoleh itu dapat ditanamkan dalam pengetahuan dan pengalaman kognitif mereka sebagai satu strategi baharu pula untuk diaplikasikan dalam tugas lain. Bagi kajian akan datang, dapat disarankan juga agar pengkaji seterusnya dapat melakukan pengumpulan data yang lebih banyak dan mendalam seperti temu bual dengan murid ataupun guru berkenaan dengan penggunaan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Kesenambungan ilmu bahasa perlu sentiasa berterusan agar apa-apa isu yang berkaitan dengan linguistik khususnya bahasa Melayu dapat diketengahkan dan mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Rujukan

- Allen, R. (2002). *Punctuation*. New York: Oxford University Press.
- Awang Sariyan. (2007). *Tertib mengarang: Asas retorik untuk pelajar dan pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2018). Dasar bahasa kebangsaan asas pembinaan negara bangsa. *Dewan Bahasa*, 6-15.
- Bayu, D.N. & Diah Amelia. (2018). Analisis kesalahan berbahasa Indonesia pada teks ilmiah mahasiswa. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. 2(2), 138-153
- Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani. (2018). Analisis kesalahan penggunaan huruf kapital dan tanda baca pada karangan sederhana siswa kelas III SDN II Kelapa Dua Kabupaten Tangerang. *Jurnal Pendidikan Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia*. 7(1), 13-24
- Elbow, P. (2000). *Everyone can write: Essays toward a hopeful theory of writing and teaching writing*. New York: Oxford University Press.
- Feny, O. Muhammad, R. & Purwadi. (2018). Analisis kesalahan berbahasa Indonesia pada karangan eksposisi siswa kelas X MIPA. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya*. 6(1), 94-109
- Filona, S.W. Budi, K. & Zhu, S.Q. (2018). analisis kesalahan penggunaan tanda baca bahasa tionghoa dalam menulis dan membaca oleh mahasiswa kelas menengah dan atas sastra Tionghoa Universitas Kristen Petra. *Century: Journal of Chinese Language, Literature and Culture*. 5(2), 59-70
- Ida Marlina, Dian, I. & Syarip, H. (2018). Analisis kesalahan penggunaan tanda baca dalam pengisian teks dialog rumpang di sekolah dasar. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*. 5(2), 92-102
- Indah, R.F. & Rama K.W. 2018. Analisis Penggunaan tanda baca pada teks narasi siswa kelas VII SMPN 2 KAPUR IX. *DEIKSIS*. 10(3), 274-279
- Ismail bin Dahaman. (2015). *Canggihnya bahasa Melayu: Sistem tanda baca: Kalimat bertanda intonasi bergaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (t.th). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Tahun Enam, Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan. <https://www.moe.gov.my>.

- menumedia/mediacetak/penerbitan/dskp-kssr/1258-dskp-kssr-bahasa-melayu-sk-tahun-6/file. 5 September, 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Muhammad Firhan, Muhammad Idham & Rosma Elly. (2017). Kemampuan siswa menggunakan tanda baca dalam karangan deskripsi di kelas IV SD Negeri 10 Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar FKIP Unsyiah*. 2(4), 20-26
- Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Investigating Malay Language Writing Proficiency Level Among Upper Secondary School Students. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 11(2), 39-51
- Nahid, A. I. (2019). Investigating the Common Errors Among Basic Level School Pupils on Writing Composition. *American Journal of Information Science and Technology*. 3(2), 35-40
- Rangel, O. Sarmiento, J.A. & Gonçalves, A.S. (2019). A study on the efl students' ability of dictation integrated punctuation marks in writing skill. *Journal of Innovative Studies on Character And Education*. 3(1),165-176
- Riri Ariyanti. (2019). Analisis kesalahan penggunaan huruf kapital, tanda baca, dan penulisan kata pada koran mercusuar. *Jurnal Bahasa dan Sastra*. 4(4),12-28
- Rodiya, S. & Siti, N. (2018). Analisis kesalahan penggunaan preposisi dan punctuation dalam karangan narasi siswa. *Jurnal Keilmuan dan Kependidikan Dasar*. 10(2), 125-134
- Setiawan, E.W. (2018). Kesalahan ejaan dan ketidakbakuan kata pada karangan mahasiswa prodi di PJKR UNSIKA. *Jurnal Bahasa, Seni, dan Pengajaran*. 2(1), 20-28
- Shaw, H. (1993). *Punctuate it right*. New York: Harper Collins Publishers.
- Trinil Dwi Turistiani. (2013). Fitur kesalahan penggunaan ejaan yang disempurnakan dalam makalah mahasiswa, Paramasastra. *Jurnal Ilmiah Bahasa Sastra dan Pembelajarannya*. 1(1), 61-72
- Wafaa, S.Y. (2018). Exploring English writing problems of English major student-teachers at Kuwait university. *Journal of Educational & Psychological Sciences*. 19 (4), 601-628